

23 JAN 1998

PM GESA RAKYAT MALAYSIA MENARUH KEYAKINAN DALAM BANK TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa rakyat Malaysia supaya terus menaruh keyakinan dan kepercayaan dalam bank-bank tempatan.

Sambil menegaskan bahawa bank-bank tempatan bukannya lemah, beliau berkata rakyat Malaysia seharusnya mengirim pulang sebanyak dana yang mungkin daripada hasil pelaburan serta penjualan hartanah mereka di luar negara dan menyimpannya dengan bank-bank tempatan.

Becakap pada sesi dialog di sini yang dianjurkan oleh Bakti, sebuah pertubuhan yang dianggotai isteri-isteri menteri dan timbalan menteri, beliau menyeru semangat kenegaraan rakyat Malaysia dan berkata mereka yang telah memindahkan dana ke bank-bank di negara-negara jiran supaya juga membawanya pulang agar memperbaiki kedudukan mudahtunai dalam bank-bank tempatan.

Beliau menambah bahawa wang tidak seharusnya dikeluarkan dari bank dan "disimpan di bawa bantal kerana ia tidak mendatangkan hasil."

"Wang hanya bernilai jika ia bertukar tangan dan menggerakkan ekonomi," tambahnya.

Dr Mahathir berkata jika semua rakyat Malaysia bersatu padu dan menabung hanya dengan bank tempatan, keadaan mudahtunai dalam sistem perbankan akan bertambah baik dengan ketara.

Beliau menambah apabila tiada lagi sekatan kredit, maka perniagaan mampu dikendalikan tanpa sebarang masalah dan ekonomi boleh berkembang.

"Tetapi jika kita gagal melihat betapa pentingnya menyimpan dana kita di dalam bank-bank tempatan, maka ia pada akhirnya tidak akan membantu negara sama sekali."

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak sekaya dahulu kerana pendapatan per kapita hari ini berada pada AS\$2,700 berbanding dengan AS\$5,000 sebelum Julai 1997.

Beliau menegaskan bahawa negara ini masih mantap dalam banyak segi sungguhpun nilai ringgit telah merosot sebanyak 40 peratus.

"Kita mampu membayar hutang luar negara terlebih awal, mempunyai rizab sebanyak AS\$20 bilion dan tiada pula kemungkaran dalam pembayaran," tambahnya.

-- BERNAMA

DVS MA